

AHMAD ESA, ZALINA @ SITI AISHAH ABD AZIZ & NURUL HAERANI MOHAMAD

## Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihian Akhlak Remaja

**IKHTISAR:** Program latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam merupakan salah satu usaha oleh Pusat Pemulihian Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia untuk membantu remaja terlanjur memperoleh kemahiran bagi membolehkan mereka bekerja. Walau bagaimanapun, terdapat PPAR di Malaysia yang kurang berkesan melaksanakan program tersebut, kerana tidak mengintegrasikan latihan kemahiran dan pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat pelaksanaan program latihan vokasional masakan, pendidikan Islam, dan pengintegrasian latihan vokasional masakan, serta kesan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam di enam lokasi PPAR di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrument set borang soal selidik yang melibatkan 158 pelatih sebagai sampel kajian. Melalui analisis skor min dan sisihan piawai, dapatkan kajian mendapati bahawa pelatih mempersetujui program pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam dilaksanakan dengan baik dan memberi kesan positif kepada mereka. Kajian ini mencadangkan satu garis panduan yang lengkap dan seragam harus dimurnikan oleh pihak yang terlibat dalam mengaplikasikan program pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam.

**KATA KUNCI:** Latihan vokasional masakan, pendidikan Islam, remaja terlanjur, pengintegrasian, panduan lengkap, dan pelatih.

**ABSTRACT:** “Integrating the Cooking Vocational Training and Islamic Education to Help Unplanned Pregnancies Teens in the Youth Reformatory Centre”. Cooking vocational training programs and Islamic education is one of the efforts by the Youth Reformatory Centre in Malaysia to help unplanned pregnancies teens with the skills that enable them to get work. However, there are a few numbers of Youth Reformatory Centre in Malaysia that failed to run this program, because they are not integrating the Islamic education with the vocational training effectively. Therefore, this study was undertaken to see the implementation of cooking vocational training program, Islamic education, the integration of cooking vocational training, and the effect of the integration in six selected locations in Malaysia. Using descriptive survey and questionnaire as an instrument, this study involving 158 trainees from selected centre. Through the analysis of mean and standard deviation, the trainees agree that the program successfully integrating cooking vocational training with Islamic education which also give them a positive impact. This study also suggested a completed and standard guideline to be purified by the organization that involved to implement this program.

**KEY WORD:** Cooking vocational training, Islamic education, unplanned pregnancies teens, integration, completed guideline, and trainees.

### PENDAHULUAN

Pengaruh globalisasi menjangkau sempadan ekonomi, teknologi, bahasa, sosial-budaya, ideologi, politik, dan dari segenap aspek kehidupan sesebuah masyarakat

(Striano, 2009). Kesan era globalisasi ini juga menyebabkan terjadinya masalah sosial dalam kalangan remaja di sesebuah negara dengan terdapat banyak gejala sosial berlaku, seperti mencuri, gengsterisme, vandalisme,

**About the Authors:** Prof. Madya Dr. Ahmad Esa, Zalina @ Siti Aishah Abd Aziz & Nurul Haerani Mohamad ialah Pensyarah Kanan, Pelajar Sarjana, dan Pembantu Penyelidik di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Alamat emel: ahmad@uthm.edu.my, zalinaaishah@gmail.com, dan haeranimohamad@gmail.com

**How to cite this article?** Esa, Ahmad, Zalina @ Siti Aishah Abd Aziz & Nurul Haerani Mohamad. (2014). “Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihian Akhlak Remaja” in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol. 4(1) June, pp.47-60. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UNSUR Cianjur, ISSN 2088-1290. Available online also at: [www.atikan-jurnal.com](http://www.atikan-jurnal.com)

**Chronicle of the article:** Accepted (May 12, 2014); Revised (June 5, 2014); and Published (June 29, 2014).

membunuh, terlibat dengan dadah, kes rogol, seks bebas, sumbang mahram, mengandung anak luar nikah, dan pembuangan bayi membabitkan remaja (Trojanowicz & Morash, 1992; dan Johan & Roslan, 2011).

Menurut M.M. Musa (2013), dalam kajiannya, di antara sebab berlakunya keguguran dan pembuangan bayi remaja terlanjur disebabkan remaja terlanjur membenci anak yang di kandung sehingga bayi itu lahir. Oleh yang demikian, gejala sosial ini boleh mendatangkan pelbagai masalah dan menjelaskan reputasi sesebuah negara, sekiranya gejala sosial ini tidak dibendung dan ditangani dengan kerjasama pelbagai pihak.

JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) Malaysia, pada tahun 2010, melaporkan bahawa terdapat peningkatan kes remaja yang hamil pada tahun 2008 hingga 2010, iaitu daripada 111 kes menjadi 131 kes. Menurut N.S. Abdul Jalil (2012) pula melaporkan bahawa pada tahun 2000 hingga 2008, bilangan anak luar nikah atau anak tidak sah taraf didaftarkan bertambah seramai 257,000 orang. Perak Pakatan Rakyat Perakini (2010) juga menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia pada tahun 2010 telah melaporkan kes pembuangan bayi, dari tahun 2005 sebanyak 67 kes dan bertambah pada tahun 2010 menjadi 91 kes.

Hubungan seks bebas juga didapati berlaku di Daerah Rakai, Uganda, Afrika, yang mana mereka telah melakukan seks bebas bermula dari umur 15-17 tahun (Wagman et al., 2009). Di Amerika Syarikat pula, kadar peratus remaja yang hamil adalah tertinggi jika dibandingkan dengan negara-negara perindustrian yang lain, menyebabkan remaja tertangguh untuk menamatkan pelajarannya (Cisneroz, 2012). Klinik Kesihatan Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia pada tahun 2012 melaporkan bahawa remaja berumur 15-24 tahun mengalami penyakit Gonorea seramai 15 orang (dalam JKM Malaysia, 2012).

Usaha pemuliharaan remaja perempuan ini telah mendapat perhatian serius dari pelbagai pihak, sama ada kerajaan, swasta, ataupun badan bukan kerajaan atau NGO (*Non Governmental Organization*). Antara usaha telah dijalankan bagi mengatasi masalah remaja ini ialah menerusi penubuhan Pusat-pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR). JKM

(Jabatan Kebajikan Masyarakat) Malaysia pada tahun 2010 telah menempatkan remaja berumur 18 tahun yang terdedah kepada bahaya moral dan telah melibatkan diri dalam kes pelacuran. Mereka telah ditempatkan di Taman Seri Puteri di bawah peruntukan Akta Kanak-kanak 2001.

Bagi remaja yang terlanjur dan remaja yang tidak terkawal akhlaknya, mereka telah ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti di bawah peruntukan Akta Kanak-kanak 2001. Di dalam Pusat Pemulihan Akhlak Remaja, mereka menerima latihan vokasional seperti jahitan, katering, kraf tangan, masakan, dan gubahan. Latihan kemahiran perlu diberikan kepada para remaja supaya mereka menjadi aset yang amat penting kepada negara. Penerapan latihan vokasional yang dibina dapat membangunkan kemahiran remaja ini (Gungormus, 2011). Dengan kemahiran yang diperoleh remaja, mereka dapat bekerja untuk memenuhi pasaran pekerjaan sekarang dan memberi sumbangan kepada negara.

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang mampu memimpin diri remaja berjiwa kental dan tabah dalam mengharungi cabaran kehidupan dan boleh mewarnai corak keperibadiannya (Ekwonye, 2011; dan Ismail & Anwar, 2011). Mempunyai iman yang kukuh serta amalan yang *istiqamah* menjadi benteng diri yang kuat apabila berlaku pelbagai cabaran dalam kehidupan. Hasil daripada pendidikan Islam yang dibina, remaja dapat mengamalkan ajaran dan amalan semasa mereka bekerja dengan penuh keikhlasan, integriti, nilai-nilai murni, sentiasa berzikir dan doa dijadikan satu senjata pegangan hidup berpaksikan kepada Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Pembangunan modal insan (*human capital*) di peringkat remaja merupakan indikator penting dalam kejayaan pembangunan negara pada masa akan datang, mengikut acuannya sendiri. Kemahiran insaniah, termasuk mempunyai pendidikan agama, adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan dan menjadikan tempat kerja seseorang itu agar menjadi maju (Don, Ismail & Daud, 2006; dan Sharma, 2009). Pemilihan pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang remaja peroleh amat penting pada diri remaja dalam memajukan dirinya dan tempat kerja serta pertambahan keyakinan dirinya untuk terus hidup berdikari.

Sungguhpun remaja mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi, mereka perlu diberi suntikan pendidikan Islam untuk makanan rohani dan keagamaan bagi membantu membangunkan diri remaja. Menurut M.Z. Othman *et al.* (2010), pelaksanaan kurikulum dalam sistem kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang universal adalah membangunkan kemanusiaan dan menekankan aspek kerohanian dan keagamaan bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan pemodenan dan dengan pembangunan kerohanian. Segala ilmu yang diperoleh secara teori, praktikal, dan latihan kemahiran perlu diintegrasikan dengan ilmu, amal, dan iman. Di Vietnam membuktikan bahawa nilai-nilai agama diaplikasikan dalam pendidikan vokasional bagi keseimbangan diri dan membentuk identiti untuk kebaikan dan kebenaran dalam kerjaya (Michael, 2011).

## LATAR BELAKANG MASALAH

Masalah remaja memang perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh semua pihak, lebih-lebih lagi bagi remaja terlanjur perlu dibantu dengan memberi perlindungan supaya kehidupan mereka merasa selamat, selesa, dan tenang dalam menghadapi cabaran kehidupan pada masa sekarang dan akan datang. Menurut M.M. Musa (2013), remaja yang terlanjur mengalami keadaan emosi yang tidak tenang banyak menyalahkan diri dan membenci dirinya sendiri dan anaknya. Perkara ini telah diambil serius oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan di negara Brunei Darussalam (JPM Brunei Darussalam, 2012). Remaja di negara itu telah ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan semenjak tahun 1982 lagi.

Begini juga di negara Australia, terdapat Rumah Perlindungan Bethany untuk remaja mengandung yang belum berkahwin (Taylor, 1974). Di Rumah Perlindungan Bethany ini bukan sahaja memberi perlindungan kepada remaja yang mengandung, tetapi juga memberi perlindungan kepada anak-anak yang dilahirkan oleh remaja.

Di Malaysia terdapat Pusat Pemulihan Akhlak Remaja, seperti di Raudhatus Sakinah. U. Munad (2012) melaporkan bahawa Raudhatus Sakinah ini diwujudkan

sebagai Pusat Pemulihan Akhlak Remaja, yang memberi perlindungan dan bimbingan kepada remaja puteri yang menjadi mangsa gejala sosial. Raudhatus Sakinah berusaha membantu remaja-remaja yang terlibat demi meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri untuk menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan agama melalui model latihan yang disediakan oleh Raudhatus Sakinah, yang perlu dipatuhi oleh semua penghuninya.

Hasil temubual dengan Mat, pengurus Raudhatus Sakinah di Johor, beliau menyatakan seperti berikut:

[...] kewujudan Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Raudhatus Sakinah adalah untuk memberi bimbingan dan latihan vokasional serta perlindungan kepada remaja perempuan yang terlanjur. Di sini tiada terdapat sistem latihan yang berstruktur digunakan. Latihan hanya mengikuti jadual yang telah ditetapkan. Program latihan vokasional yang dijalankan tidak diintegrasikan dengan pendidikan Islam. Semua tenaga pengajar di sini adalah terdiri daripada sukarelawan yang tidak terlatih secara formal. Hanya 70% sahaja program bimbingan dan latihan vokasional itu berkesan kepada pelatih-pelatih merubah diri untuk bertambah baik setelah 13 bulan menjalani bimbingan di Raudhatus Sakinah. Terdapat juga kes pelatih memasuki semula pusat bimbingan (komunikasi peribadi dengan Mat, 8/4/2012).

Untuk memulihkan spiritual dan intelektual diri remaja terlanjur, semestinya mengambil masa yang lama, memerlukan kesabaran, iltizam yang tinggi, dan *istiqamah*. Untuk melaksanakan proses pemindahan latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Namun begitu, terdapat juga PPAR (Pusat Pemulihan Akhlak Remaja) yang kurang berjaya dan berkesan dalam memindahkan latihan kepada remaja terlanjur (Yahaya *et al.*, 2001).

Apabila pemindahan latihan tidak dapat menghasilkan pengekalan pengetahuan, perubahan sikap, dan perubahan prestasi kerja oleh remaja terlanjur, maka usaha ini dianggap satu pelaburan yang sia-sia (Yang, 2011). Tetapi ada juga PPAR yang berjaya berdasarkan rekabentuk pemindahan latihan yang tersusun dan rapi dan meninggalkan kesan yang positif (Kobia, 2004; Harun, 2006; Sanmuga Nathan, 2007; Senin, 2008; Praharsi, 2009; Gile, 2011; dan Husain, 2012).

Didapati bahawa pusat latihan yang mempunyai ciri-ciri seperti *tenaga pengajar yang profesional* (Kobia, 2004; dan Senin, 2008); *reka bentuk dan model latihan yang teratur dan berkesan* (Gile, 2011; dan Husain, 2012); *mengintegrasikan pendidikan agama* (Ismail, 2009; dan Michael, 2011); *peralatan yang lengkap berteknologi moden* (Praharsi, 2009; dan Ismail et al., 2010); serta *kemahuan dan motivasi yang tinggi* (Harun, 2006; dan Jeganathan, 2007) membantu mempercepatkan proses pemindahan latihan berlaku. Oleh itu, dalam menyediakan latihan kepada remaja terlanjur, sewajarnya PPAR mempunyai model latihan bersistematik yang antaranya mengintegrasikan latihan vokasional dan pendidikan agama.

#### **PERNYATAAN MASALAH, PERSOALAN, DAN KAEADAH KAJIAN**

Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) menyediakan program latihan vokasional sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan mereka. Latihan vokasional yang sistematik membantu remaja yang terlanjur memperoleh kemahiran untuk membolehkan mereka bekerja sendiri, atau bekerja dengan orang lain, apabila selesai menjalani latihan. Namun begitu, berdasarkan kajian awal dan literatur yang dijalankan, didapati ada institusi latihan yang tidak menyediakan latihan vokasional dan pendidikan Islam yang berstruktur dan sistematik. Situasi tersebut menyebabkan terdapat pelatih kurang menguasai kemahiran vokasional dan pendidikan Islam yang boleh digunakan untuk memperoleh pekerjaan dan kehidupan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau latihan vokasional (masakan) dan pendidikan Islam yang dilaksanakan oleh PPAR di Malaysia. Di samping itu, kajian awal juga menunjukkan bahawa PPAR tidak mempunyai model pendidikan vokasional (masakan) yang diintegrasikan dengan pendidikan Islam semasa sesi amali dijalani oleh pelatih. Pengintegrasian pendidikan Islam adalah penting dalam sesi latihan vokasional, sebagaimana yang disarankan oleh H.H. Titus & S. Smith (1974); A.R. Ahmad et al. (2010); dan Mohd Dom (2013) bahawa dalam membangunkan modal insan, agama dan kemahiran tidak boleh dipisahkan.

Oleh itu, kajian ini juga dijalankan untuk menilai pengintegrasian latihan vokasional (masakan) dan pendidikan Islam yang dilaksanakan dalam latihan amali oleh PPAR di Malaysia.

Kajian ini dijalankan merujuk kepada persoalan-persoalan berikut: (1) Bagaimanakah amalan latihan vokasional masakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja?; (2) Bagaimanakah amalan pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja?; (3) Bagaimanakah amalan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja?; serta (4) Sejauh manakah kesan latihan vokasional di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja berdasarkan persepsi pelatih?

Penyelidikan ini menggunakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan (Creswell, 2008); yang melibatkan 158 orang pelatih di enam buah Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia, iaitu: (1) PPAR Cheras di Selangor; (2) PPAR Kuching di Sarawak; (3) PPAR Sungai Lereh di Melaka; (4) PPAR Kampung Pandan di Kuala Lumpur; (5) PPAR Kempas di Johor; dan (6) PPAR Ampang di Selangor. Kajian deskriptif berbentuk tinjauan ini adalah seperti mana yang disarankan oleh W. Tan (2007) dan S.L. Jackson (2008), yang berpendapat bahawa kajian deskriptif dapat menghuraikan sesuatu fenomena yang berlaku pada masa tertentu sahaja.

Penyelidikan ini juga merupakan salah satu kaedah kajian bukan eksperimental, yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam sains sosial (Devlin, 2006). Instrument soal selidik digunakan dalam mengumpul data kajian. Set soal selidik ini meliputi enam bahagian, iaitu Bahagian A: Demografi responden; Bahagian B: Pernyataan berkenaan amalan latihan masakan yang pelatih ikuti di PPAR; Bahagian C: Pernyataan berkenaan pendidikan Islam yang pelatih ikuti di PPAR; Bahagian D: Pernyataan berkenaan pengintegrasian amalan latihan masakan dan pendidikan Islam yang pelatih ikuti di PPAR; Bahagian E: Pernyataan berkenaan kesan pengintegrasian amalan latihan masakan dan pendidikan Islam yang pelatih ikuti di PPAR; serta Bahagian F: Soalan terbuka.

Data dari borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Sosial Science*) Version 20.0 untuk

**Jadual 1:**  
Tafsiran Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.68	Sederhana
3.69 – 5.00	Tinggi

Sumber: K. Landell (1997).

**Jadual 2:**  
Analisis Demografi Pelatih (Bahagian A)

	Maklumat Responden	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Umur	< 13 tahun	8	5.1
	14 tahun – 17 tahun	110	69.6
	18 tahun – 21 tahun	40	25.3
<b>Jumlah</b>		<b>158</b>	<b>100.0</b>
Tempoh Latihan	< 3 bulan	21	13.3
	4 bulan – 11 bulan	33	20.9
	1 tahun	31	19.6
	2 tahun	41	25.9
<b>Jumlah</b>		<b>158</b>	<b>100.0</b>
Tempat Latihan	Pusat Pemulihan Akhlak Ampang, Selangor	27	17.1
	Pusat Pemulihan Akhlak Kempas, Johor	24	15.2
	Pusat Pemulihan Akhlak Sg. Lereh, Melaka	22	13.9
	Pusat Pemulihan Akhlak Cheras, Selangor	19	12.0
	Pusat Pemulihan Akhlak Kg. Pandan, Kuala Lumpur	40	25.3
	Pusat Pemulihan Akhlak Kuching, Sarawak	26	16.5
<b>Jumlah</b>		<b>158</b>	<b>100.0</b>

mendapatkan nilai skor min dan sisihan piawai kajian. Jadual 1 menunjukkan tafsiran skor min berdasarkan Skala Likert yang digunakan bagi mengukur tahap persetujuan pelatih terhadap pernyataan di dalam borang soal selidik yang dikemukakan. Menurut C.A. Mertler (2012), penggunaan borang soal selidik merupakan pengumpulan data yang mudah digunakan dan lengkap, malah responden dapat menandakan item yang dipilih mengikut penilaian daripada naluri dirinya sendiri.

## DAPATAN KAJIAN

**Pertama, Analisis Maklumat Demografi.** Jadual 2 menunjukkan analisis keseluruhan demografi pelatih bagi Bahagian A borang soal selidik. Taburan data mengikut umur menunjukkan bahawa lebih separuh daripada keseluruhan pelatih adalah berumur dalam lingkungan 14 tahun hingga 17 tahun, iaitu sebanyak 110 pelatih (69.6%). Manakala hanya

8 pelatih (5.1%) berada dalam lingkungan umur kurang dari 13 tahun, dan selebihnya 40 pelatih (25.3%) adalah berada dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 21 tahun.

Berdasarkan jadual 2, bagi tempoh latihan kebanyakan pelatih yang menghuni Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) adalah selama 2 tahun ( $f = 41$ , 25.9%). Tempoh latihan kurang dari 3 bulan merupakan tempoh yang paling singkat dihuni oleh para pelatih di PPAR di enam lokasi PPAR kajian, iaitu seramai 41 pelatih (25.9%). Selebihnya adalah 4 bulan hingga 11 bulan ( $f = 33$ , 20.9%); 1 tahun ( $f = 31$ , 19.6%); dan 3 tahun ( $f = 32$ , 20.3%).

Seterusnya, taburan data PPAR di Kg. Pandan, Kuala Lumpur, menunjukkan bahawa jumlah pelatih paling ramai yang mengikuti Program Vokasional Masakan iaitu seramai 40 orang pelatih (25.3%); diikuti PPAR di Ampang, Selangor, seramai 27 orang pelatih (17.1%); PPAR di Kuching, Sarawak, seramai 26 orang

**Jadual 3:**  
Amalan Latihan Vokasional Masakan

No. Item	Item	Min ( $\mu$ )	Sisihan Piawai ( $\sigma$ )	Penilaian Tahap
4	Belajar teori memasak	4.25	0.901	Tinggi
5	Membuat praktikal memasak	4.36	0.918	Tinggi
6	Praktikal memasak menggunakan buku panduan	3.66	1.298	Sederhana
7	<b>Memasak menggunakan peralatan berteknologi</b>	<b>3.53</b>	<b>1.245</b>	<b>Sederhana</b>
8	Memasak menggunakan resipi terkini	3.81	1.307	Tinggi
9	Diajar memilih bahan dalam masakan	3.88	1.207	Tinggi
10	Diajar cara pilih bahan dalam masakan	4.00	1.189	Tinggi
11	Diajar cara bersih bahan mentah	4.32	0.919	Tinggi
12	Diajar cara potong bahan mentah	4.30	0.987	Tinggi
13	Diajar cara masuk bahan dalam periuk/kuali	4.16	1.088	Tinggi
14	Diajar teknik kawal api	4.08	1.094	Tinggi
15	Diajar mengenal masakan telah masak	4.19	1.035	Tinggi
16	Diajar menghidang makanan	4.10	1.158	Tinggi
17	Diajar mereka menu	3.77	1.174	Tinggi
18	<b>Diajar menjaga kebersihan makanan</b>	<b>4.47</b>	<b>0.956</b>	<b>Tinggi</b>
19	Diajar aspek keselamatan makanan	4.34	1.027	Tinggi
<b>Keseluruhan Amalan Latihan Vokasional Masakan</b>		<b>4.08</b>	<b>0.791</b>	<b>Tinggi</b>

**Jadual 4:**  
Pendidikan Islam

No. Item	Item	Min ( $\mu$ )	Sisihan Piawai ( $\sigma$ )	Penilaian Tahap
21	<b>Belajar asas pendidikan Islam</b>	<b>4.70</b>	<b>0.523</b>	<b>Tinggi</b>
21	Belajar praktikal pendidikan Islam	4.57	0.663	Tinggi
22	Belajar ilmu tauhid	4.58	0.751	Tinggi
23	Belajar ilmu ibadat	4.65	0.596	Tinggi
24	Belajar berkaitan akhlak	4.57	0.699	Tinggi
25	Diajar doa-doa tertentu	4.54	0.702	Tinggi
26	<b>Diajar doa berkaitan masakan</b>	<b>3.26</b>	<b>1.341</b>	<b>Sederhana</b>
27	Sering diadakan tazkirah	3.98	1.228	Tinggi
28	Diajar penutupan aurat	4.65	0.628	Tinggi
<b>Keseluruhan Pendidikan Islam</b>		<b>4.39</b>	<b>0.505</b>	<b>Tinggi</b>

pelatih (16.5%); PPAR di Kempas, Johor, seramai 24 orang pelatih (15.2%); dan PPAR di Sg. Lereh, Melaka, seramai 22 orang pelatih (13.9%). Manakala PPAR di Cheras, Selangor, ( $f = 19.12\%$ ) merupakan badan paling sedikit jumlah pelatih yang mengikuti Program Vokasional Masakan.

**Kedua, Amalan Vokasional Masakan.** Pengkaji telah mengemukakan 16 item (item 4 hingga 19) berhubung dengan Amalan Vokasional Masakan di PPAR (Pusat Pemulihan Akhlak Remaja). Jadual 3 menunjukkan skor min ( $\mu$ ) keseluruhan, iaitu 4.08 berada pada tahap tinggi dengan sisihan piawai sebanyak  $\sigma = 0.791$ . Hal ini jelas menunjukkan pelatih bersetuju bahawa mereka sangat dilatih dari aspek Amalan Vokasional Masakan di PPAR.

Item 18, iaitu “diajar menjaga kebersihan makanan” memperoleh skor min tertinggi ( $\mu = 4.47$ ,  $\sigma = 0.956$ ) menunjukkan bahawa pelatih sangat bersetuju amalan kebersihan menjadi aspek utama dalam Amalan Vokasional Masakan. Item 7, iaitu “memasak menggunakan peralatan berteknologi” memperoleh skor min terendah dengan nilai min ( $\mu = 3.53$ ,  $\sigma = 1.245$ ). Nilai sisihan piawai keseluruhan ialah  $\sigma = 0.791$  menunjukkan bahawa maklum balas pelatih masih lagi terfokus dan menunjukkan para pelatih bersetuju bahawa mereka dilatih dengan latihan vokasional masakan di PPAR masing-masing.

**Ketiga, Pendidikan Islam.** Item 21 hingga 28 merupakan item berhubung pendidikan

**Jadual 5:**  
Pengintegrasian Amalan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam

No. Item	Item	Min ( $\mu$ )	Sisihan Piawai ( $\sigma$ )	Penilaian Tahap
29	Belajar kaedah masakan secara Islam	3.51	1.517	Sederhana
30	Belajar konsep halal haram	4.28	1.023	Tinggi
31	Belajar haiwan halal haram	4.27	1.025	Tinggi
32	Diajar doa sebelum memulakan masakan	3.68	1.312	Sederhana
33	Diajar jenis-jenis air untuk menyuci bahan	3.73	1.254	Tinggi
34	Diajar cara basuh bahan mentah mengikut Islam	3.77	1.152	Tinggi
35	Diberitahu tidak mencampurkan bahan mentah dari laut dengan darat	3.19	1.527	Sederhana
36	<b>Dimaklumkan perlu baca Bismillah sebelum memasak</b>	<b>4.33</b>	<b>1.082</b>	<b>Tinggi</b>
37	Dimaklumkan perlu pasang niat sebelum memasak	3.91	1.261	Tinggi
38	Diajar cara menggaul masakan mengikut Islam	3.75	1.272	Tinggi
39	Diajar membaca bacaan tertentu semasa memasak	3.61	1.320	Sederhana
40	Dimaklumkan membaca selawat semasa memasak	3.80	1.318	Tinggi
41	Dimaklumkan perlu menjaga aurat semasa memasak	3.88	1.460	Tinggi
42	Dimaklumkan perlu senyum ketika memasak	3.80	1.254	Tinggi
43	Dimaklumkan perlu masak dengan emosi yang stabil	3.78	1.178	Tinggi
44	Belajar baca doa selepas memasak	3.13	1.390	Sederhana
45	Belajar cara menyedok makanan mengikut Islam	3.38	1.426	Sederhana
46	Diajar cara hias makanan mengikut Islam	3.28	1.480	Sederhana
47	Dimaklumkan jangan meniup makanan untuk menyejukkannya	3.42	1.451	Sederhana
48	<b>Diajar berkaitan kisah sejarah Islam berkaitan masakan</b>	<b>2.89</b>	<b>1.430</b>	<b>Sederhana</b>
<b>Keseluruhan Pengintegrasian</b>		<b>3.67</b>	<b>0.909</b>	<b>Tinggi</b>

Islam yang dikemukakan oleh pengkaji. Berdasarkan analisis yang dijelaskan dalam jadual 4 menunjukkan bahawa item 21, “Belajar asas pendidikan Islam”, memperoleh skor min tertinggi, iaitu  $\mu = 4.70$  ( $\sigma = 0.523$ ); dan item 26, “Diajar doa berkaitan masakan” memperoleh skor min terendah, iaitu  $\mu = 3.26$  ( $\sigma = 1.341$ ). Merujuk jadual 4 juga didapati bahawa kebanyakan item memperoleh skor min ( $\mu$ ) melebihi 3.50 dan berada pada tahap yang tinggi, yang menggambarkan pelatih sangat bersetuju bahawa di PPAR (Pusat Pemulihan Akhlak Remaja) di Malaysia mereka belajar berkaitan ilmu pendidikan Islam dan hal ini dibuktikan dengan item 21 yang memperoleh skor min tertinggi.

**Keempat, Pengintegrasian Amalan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam.** Bagi domain pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam, pengkaji telah mengemukakan 20 item (item 29 hingga 48). Berdasarkan jadual 5 didapati 15 item daripada keseluruhan item memperoleh skor min ( $\mu$ ) melebihi 2.33, dengan skor min

keseluruhan sebanyak  $\mu = 3.67$ . Dapatan ini menunjukkan para pelatih bersetuju bahawa terdapat pengintegrasian antara amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam yang mereka jalani. Item 36, “Dimaklumkan perlu baca Bismillah sebelum memasak” memperoleh skor min tertinggi, iaitu  $\mu = 4.33$  ( $\sigma = 1.083$ ), menunjukkan bahawa bacaan Bismillah dalam setiap perbuatan atau perlakuan amat dititikberatkan dan berjaya diterapkan oleh PPAR (Pusat Pemulihan Akhlak Remaja) terhadap para pelatih.

Walau bagaimanapun, PPAR kurang mendedahkan perihal kisah sejarah Islam berkaitan masakan kepada para pelatih, dan ini dibuktikan dengan dapatan daripada jadual 5 yang menunjukkan item 48, iaitu “diajar berkaitan kisah sejarah Islam berkaitan masakan” memperoleh skor min paling rendah, sebanyak  $\mu = 2.89$  ( $\sigma = 1.430$ ), berada pada tahap yang sederhana.

Item 44, “Belajar baca doa selepas memasak”; item 45, “Belajar cara menyedok makanan mengikut Islam”; item 46, “Diajar

**Jadual 6:**  
Serakan Maklum Balas Responden terhadap Item Pengintegrasian Amalan Vokasional Masakan  
dan Pendidikan Islam

No. Item	Item	Sisihan Piawai ( $\sigma$ )	Skala (f)				
			1	2	3	4	5
29	Belajar kaedah masakan secara Islam	1.517	33	8	17	46	54
30	Belajar konsep halal haram	1.023	8	3	9	54	84
31	Belajar haiwan halal haram	1.025	7	5	10	53	83
32	Diajar doa sebelum memulakan masakan	1.312	18	12	24	52	52
33	Diajar jenis-jenis air untuk menyuci bahan	1.254	15	12	24	56	51
34	Diajar cara basuh bahan mentah mengikut Islam	1.152	10	10	37	51	50
35	Diberitahu tidak mencampurkan bahan mentah dari laut dengan darat	1.527	39	14	23	42	40
36	<b>Dimaklumkan perlu baca <i>Bismillah</i> sebelum memasak</b>	<b>1.082</b>	<b>9</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>41</b>	<b>95</b>
37	Dimaklumkan perlu pasang niat sebelum memasak	1.261	14	10	19	49	66
38	Diajar cara menggaul masakan mengikut Islam	1.272	15	14	20	56	53
39	Diajar membaca bacaan tertentu semasa memasak	1.320	20	11	27	53	47
40	Dimaklumkan membaca selawat semasa memasak	1.318	16	13	20	46	63
41	Dimaklumkan perlu menjaga aurat semasa memasak	1.460	25	6	10	39	78
42	Dimaklumkan perlu senyum ketika memasak	1.254	15	8	28	49	58
43	Dimaklumkan perlu masak dengan emosi yang stabil	1.178	11	13	24	60	49
44	Belajar baca doa selepas memasak	1.390	31	20	35	42	30
45	Belajar cara menyedok makanan mengikut Islam	1.426	28	18	17	56	39
46	Diajar cara hias makanan mengikut Islam	1.480	26	20	18	48	40
47	Dimaklumkan jangan meniup makanan untuk menyejukkannya	1.451	26	21	18	46	47
48	<b>Diajar berkaitan kisah sejarah Islam berkaitan masakan</b>	<b>1.430</b>	<b>42</b>	<b>21</b>	<b>30</b>	<b>42</b>	<b>23</b>
<b>Sisihan Piawai Keseluruhan Pengintegrasian</b>		<b>0.909</b>	408	243	418	981	1102

Nota: 1 = Sangat Tidak Setuju; 2 = Tidak Setuju; 3 = Kurang Setuju; 4 = Setuju; dan 5 = Sangat Setuju.

cara hias makanan mengikut Islam”; dan item 47, “Dimaklumkan jangan meniup makanan untuk menyejukkannya” menunjukkan skor min berada pada tahap yang sederhana, dimana nilai skor min berada di antara  $\mu = 2.89$  hingga  $\mu = 3.42$ . Walaupun keempat-empat item ini secara keseluruhannya mendapat persetujuan yang sederhana daripada pelatih, namun berdasarkan jadual 6, jumlah pelatih yang bersetuju pada skala 4 (setuju) dan skala 5 (sangat setuju) masih melebihi pelatih yang bersetuju pada skala sangat tidak setuju (1) hingga kurang setuju (3). Ini menunjukkan bahawa para pelatih sangat bersetuju terhadap item-item pengintegrasian yang dikemukakan oleh pengkaji.

Berdasarkan jadual 5 pula, kesemua 20 item domain pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam menunjukkan nilai sisihan piawai ( $\sigma$ ) melebihi satu yang menggambarkan maklum balas daripada

pelatih tidak terfokus. Jadual 6 menunjukkan serakan maklum balas pelatih terhadap Skala Likert yang digunakan didalam set borang soal selidik. Daripada jadual 6, didapati kebanyakan pernyataan item berkenaan pengintegrasian mendapat persetujuan pada skala 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Oleh yang demikian, adalah jelas menunjukkan para pelatih bersetuju bahawa mereka telah dilatih mengikuti latihan integrasi antara amalan latihan masakan dan pendidikan Islam di PPAR di Malaysia dengan skor min keseluruhan sebanyak  $\mu = 3.67$  dan sisihan piawai sebanyak  $\sigma = 0.909$ .

#### Kelima, Kesan Pengintegrasian Amalan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam.

Jadual 7 menunjukkan dapatan keseluruhan bagi domain kesan pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam berdasarkan 16 item (49 hingga 64) yang dikemukakan oleh pengkaji. Menerusi jadual

**Jadual 7:**  
Kesan Pengintegrasian Amalan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam

No. Item	Item	Min ( $\mu$ )	Sisihan Piawai ( $\sigma$ )	Penilaian Tahap
49	Pendidikan Islam diperlukan pelatih	4.65	0.668	Tinggi
50	Latihan masakan diperlukan pelatih	4.65	0.649	Tinggi
51	Pengintegrasian antara pendidikan Islam dan masakan diperlukan oleh pelatih	4.55	0.736	Tinggi
52	Pengajar pendidikan Islam mempunyai pengetahuan	4.61	0.539	Tinggi
53	Pengajar latihan masakan mempunyai kemahiran	4.58	0.650	Tinggi
54	Minat mengikuti pendidikan Islam	4.39	0.796	Tinggi
55	Minat mengikuti latihan masakan	4.55	0.710	Tinggi
56	Minat mengikuti kelas integrasi pendidikan Islam dan masakan	4.37	0.899	Tinggi
57	Bermotivasi mengikuti kelas pendidikan Islam	4.29	0.884	Tinggi
58	Bermotivasi mengikuti kelas latihan masakan	4.37	0.794	Tinggi
59	Bermotivasi mengikuti kelas integrasi pendidikan Islam dan latihan masakan	4.32	0.799	Tinggi
60	Komunikasi yang baik antara pelatih dan pengajar pendidikan Islam	4.42	0.751	Tinggi
61	Komunikasi yang baik antara pelatih dan pengajar latihan masakan	4.44	0.727	Tinggi
62	Yakin akan peroleh pekerjaan setelah mengikuti latihan di pusat	4.22	0.940	Tinggi
63	<b>Yakin untuk membuka kedai makan setelah mengikuti latihan di pusat</b>	<b>3.98</b>	<b>1.097</b>	<b>Tinggi</b>
64	Yakin untuk menyediakan makanan untuk keluarga	4.56	0.718	Tinggi
<b>Keseluruhan Kesan Pengintegrasian</b>		<b>4.43</b>	<b>0.471</b>	<b>Tinggi</b>

7, didapati kesan pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam memperoleh skor min keseluruhan sebanyak  $\mu = 4.71$ , dan nilai sisihan piawai  $\sigma = 0.443$ . Nilai skor min ( $\mu$ ) keseluruhan melebihi 3.50 dan berada pada tahap tinggi menunjukkan para pelatih di keenam-enam PPAR (Pusat Pemulihan Akhlak Remaja) lokasi kajian bersetuju bahawa terdapat kesan positif terhadap diri pelatih apabila mereka mengikuti latihan di PPAR. Skor min tertinggi, iaitu sebanyak 4.65, berjaya diperoleh bagi kedua-dua item, iaitu item 49, "Pendidikan Islam diperlukan pelatih"; dan item 50, "Latihan masakan diperlukan pelatih", dengan nilai sisihan piawai  $\sigma = 0.668$  dan  $\sigma = 0.669$ .

Walaupun item 63, "Yakin untuk membuka kedai makan setelah mengikuti latihan di pusat" memperoleh skor min paling rendah, iaitu  $\mu = 3.98$  berbanding item-item yang lain, skor min menunjukkan para pelatih bersetuju dengan pernyataan item 63 yang membawa maksud kesan pengintegrasian amalan latihan masakan dan pendidikan Islam masih

lagi berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, adalah jelas menunjukkan para pelatih sangat bersetuju bahawa pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam sangat memberi kesan positif terhadap diri pelatih yang mengikuti latihan di PPAR di Malaysia.

#### PERBINCANGAN

Merujuk kepada persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji, iaitu pertama, *mengenai amalan latihan vokasional masakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR)*. Secara keseluruhannya menunjukkan para pelatih bersetuju terhadap item-item berkenaan amalan vokasional masakan yang dikemukakan oleh pengkaji. Hal ini menunjukkan bahawa tahap amalan vokasional masakan yang dijalankan adalah tinggi dan PPAR berjaya menjalankan satu model latihan yang baik, seperti mana menurut D.S. Purba (2011) yang menyatakan bahawa model latihan yang sempurna dan lengkap memberikan kesan yang baik dan mampu meningkatkan

pengetahuan dan kemahiran pelatih ketika menjalani latihan, serta mewujudkan suasana soal balas antara pelatih dan tenaga pengajar, dengan tujuan pelatih dapat maklumat dan menganalisis permasalahannya.

Menurut K.Y. Wilson (2007) pula, dalam sesuatu modul latihan yang baik amat menitikberatkan faktor keperluan persekitaran dan peralatan, seperti penguasaan penggunaan teknologi bagi melahirkan kepakaran dan mempercepatkan pengurusan. Dapatan daripada item 7 ( $\mu = 3.53$ ,  $\sigma = 1.245$ ), iaitu “memasak menggunakan peralatan berteknologi” memperkuuhkan lagi dapatan kajian ini.

Selain itu, para pelatih juga bersetuju bahawa selain pendedahan penggunaan peralatan berteknologi tinggi, mereka juga diajar berkaitan cara memilih, membersih, dan memotong bahan makanan dengan teknik yang betul. Aktiviti dan kaedah yang para pelatih pelajari menepati pandangan W. Wongso (2012) dan R. Gibson (2013), yang berkaitan dengan aktiviti dan kaedah yang dipelajari semasa memasak sepanjang latihan vokasional masakan dijalankan.

Seterusnya, persoalan kedua, ialah mengenai amalan pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR). Dapatan analisis kajian berdasarkan item-item pendidikan Islam jelas menunjukkan bahawa pendidikan Islam merupakan asas dalam pembangunan rohani atau dalaman seseorang individu. Hal ini selaras dengan pendapat H.H. Siraj & N. Omar (2010) yang menyatakan bahawa remaja perlu diberikan pendidikan rohani (agama) untuk mendidik jiwa supaya membuat kebaikan dan menolak kemungkaran.

Menurut A. Yusoffea (2009) pula, pendidikan Islam amat mementingkan ilmu untuk kemajuan hidup umatnya; dan bagi menambah ilmu, pelbagai cara boleh dilakukan seperti pembacaan, perbincangan, dan *tazkirah*, dimana dapat mengisi minda dan hati untuk meningkatkan sahsiah diri. Hal ini jelas dibuktikan oleh pengkaji, dimana berdasarkan jadual 4, setiap item yang dikemukakan oleh pengkaji berkenaan pendidikan Islam merangkumi pelbagai aspek dalam pendidikan Islam yang dipelajari oleh pelatih di PPAR

(Pusat Pemulihan Akhlak Remaja), seperti mana menurut saranan H.H. Siraj & N. Omar (2010) dan A. Yusoffea (2009).

Pada sudut pendidikan Islam, menurut M.N. Ar-Rifa'i (2008), umat Islam wajiblah memiliki makanan yang halal untuk menjamin segala ibadat dan doa manusia diterima oleh Allah, serta dengan makan makanan yang halal dapat membentuk rohani dan jasmani ke arah melakukan kebaikan. Selain itu, menurut A.A. Abdul Rashed Ebrahim (2011), setiap manusia yang hendak memulakan sesuatu pekerjaan mestilah dimulakan dengan niat, kerana dengan memasang niat dapat melahirkan amal. Begitu juga dalam konteks untuk memulakan memasak, mestilah diniatkan memasak untuk mendapat keredaan dan rahmat Allah.

Pendapat M.N. Ar-Rifa'i (2008) dan A.A. Abdul Rashed Ebrahim (2011) mendasari item-item yang dikemukakan oleh pengkaji bagi persoalan ketiga, iaitu mengenai amalan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR). Secara keseluruhannya, para pelatih bersetuju dengan setiap item yang dikemukakan (item 29 hingga 48) oleh pengkaji, dan hal ini menunjukkan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam turut diikuti oleh para pelatih di PPAR, sepertimana yang disarankan oleh J.P. Miller (2008) dan M. Methal (2011) yang mengintegrasikan beberapa keadaan dalam model pengajarannya, yang mana mengintegrasikan hampir keseluruhan perkara dalam satu terma. Konsep ini telah digunakan oleh kebanyakan PPAR di Malaysia, seperti mengadakan kelas masakan, kelas jahitan serta pertukangan, di samping pusat tersebut mengajar pelatih (remaja) berkaitan dengan pendidikan Islam.

Akhir sekali, analisis berdasarkan jadual 7 digunakan bagi menjawab persoalan terakhir, iaitu mengenai kesan amalan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR). Berdasarkan dapatan analisis skor min dan sisihan piawai, kajian mendapati bahawa para pelatih bersetuju dengan setiap item mengenai kesan pengintegrasian terhadap diri pelatih dan program pengintegrasian ini berjaya memberi kesan yang positif terhadap

diri pelatih. Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian yang dibuat oleh I.C. Sari (2009), yang membuktikan bahawa kesan latihan itu berjaya kerana segala kurikulumnya yang berasaskan kepada Al-Qur'an, Al-Hadis, Aqidah, Akhlak, dan Fiqh dapat dilaksanakan di Madrasah Aliyah dan membawa perubahan positif kepada remaja di Madrasah itu.

Hal ini dikukuhkan lagi oleh K. Zainal & W.Z. Wan Hassan (2009), yang menyatakan bahawa latihan pemulihan akhlak berjaya memulihkan tingkah-laku sepuluh orang remaja yang menghadapi masalah disiplin tegar di sebuah sekolah menengah di pinggir bandaraya Kuala Lumpur dengan cara pendekatan Islam. Begitu juga kajian yang dibuat oleh M. Jeremy Paul (2008) terhadap akhlak remaja di Amerika Evangelical Lutheran Church berjaya dengan menitikberatkan kepada penghayatan agama dengan sering menjalankan aktiviti keagamaan bagi merubah akhlak remaja.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian bagi menjawab keempat-empat persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji, secara keseluruhannya didapati bahawa pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam berlaku di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia. Para pelatih sangat bersetuju dengan latihan integrasi antara vokasional masakan dan pendidikan Islam yang secara tidak langsung memberikan kesan yang amat positif dalam diri para pelatih yang menjalani latihan di PPAR.

Oleh itu, bagi menilai latihan yang diikuti oleh pelatih di PPAR di Malaysia, penyelidikan ini telah berjaya membuktikan program pengintegrasian amalan vokasional masakan dan pendidikan Islam dalam menyahut cabaran kerajaan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten, berpengetahuan, dan berakhhlak mulia. Penilaian dibuat berdasarkan persepsi pelatih terhadap perlaksanaan latihan vokasional, pendidikan Islam, serta pengintegrasian latihan vokasional dan pendidikan Islam.

Di samping itu, pengkaji turut mencadangkan beberapa idea bagi penambahbaikan program pengintegrasian di masa akan datang. Antaranya ialah penilaian berterusan

dibuat, bukan hanya kepada para pelatih, malahan penilaian bagi tenaga pengajar juga harus dijalankan bagi menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya seiring dengan kemajuan teknologi serta kehendak pasaran industri. Selain itu, pihak berkenaan dan pihak berwajib harus memantau segala perihal yang melibatkan kemudahan infrastruktur, sama ada dari segi keperluan latihan, kemahiran jurulatih, maupun kemudahan prasarana bagi menjayakan lagi program berteraskan pengintegrasian ini.

Seterusnya, amatlah disarankan supaya pihak kerajaan dan pihak berwajib harus memurnikan lagi program pengintegrasian ini bukan setakat di Pusat-pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) sahaja, malahan turut dilaksanakan di pusat-pusat pengajian lain supaya minat pelatih dan para pelajar lain terhadap latihan yang diikuti akan lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Seterusnya, kemahiran yang diperoleh oleh para pelatih dan pelajar dapat menyediakan individu yang holistik.

## Bibliografi

- Abdul Jalil, N.S. (2012). *Menangani Zina & Pembuangan Bayi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rashed Ebrahim, A.A. (2011). *Permata Hadis: Empat Puluh Pedoman Hidup Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Ahmad, A.R. et al. (2010). *Persediaan Ibu Bapa dalam Pendidikan Rohani terhadap Anak-anak untuk Modal Insan Berteraskan Konsep Islam Hadhari di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Kuala Lumpur: Ibook Publication Sdn. Bhd.
- Ar-Rifa'i, M.N. (2008). *Kemudahan dari Allah: Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir, Jilid 3 (Surah Al-Isra'* – Yassin. Jakarta: Gema Insani Press.
- Cisneroz, C. (2012). "A Qualitative Study on the Perception of Mexican Americans Regarding the Conditions of Teen Pregnancy" dalam Capella University, 133, AAT, 3438876.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating: Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Prentice Hall.
- Devlin, A.S. (2006). *Research Methods: Planning, Conducting, and Presenting Research*. Belmont: Thomas Wadsworth.
- Dom, Mohd. (2013). "Memantapkan Budaya Keusahawanan di Kalangan Generasi Baru Melalui Sistem Pendidikan Nasional dan Pengajaran Agama:

- Gagasan dan Cabaran Merealisasikannya". Tersedia [online] juga dalam [http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/Tajuk\\_8\\_DATOHJ\\_ALIMUDDIN\\_MOHD\\_DOM.p](http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/Tajuk_8_DATOHJ_ALIMUDDIN_MOHD_DOM.p) [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 1hb Januari 2014].
- Don, Y., A. Ismail & Y. Daud. (2006). *Kepimpinan & Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ekwonye, A.U. (2011). "Adolescent Depression and Sosial Support: Religiosity and in a Spirituality in a Faith-Based High School". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Seton Hall: University of Seton Hall.
- Gibson, R. (2013). "Mari Memasak". Tersedia [online] juga dalam <http://books.google.com.my/books?id=JoP9QcdrrKC8printsec=front> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 30hb Mei 2013].
- Gile, D. (2011). *Konsep Asas dan Model untuk Latihan Jurubahasa dan Penterjemah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Gungormus, A.H. (2011). "Profesional Knowledge and Skills Required for Accounting Majors Who Intend to Become Auditeris" dalam *Perceptions External Auditors Business & Economics Research Journal*, 2(3), ms.33-49.
- Harun, H. (2006). "Minat, Motivasi, dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih" dalam *Jurnal Pendidikan*, 31, ms.83-96.
- Husain, R. (2012). "Peranan Pendidikan Non-Formal dalam Pemberdayaan Masyarakat". Tersedia [online] juga dalam [http://repository.upi.edu/Operator/upload/d-plo809578\\_chapter1.pdf](http://repository.upi.edu/Operator/upload/d-plo809578_chapter1.pdf) [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 27hb Mei 2014].
- Ismail, A. et al. (2010). "Supervisor's Role as an Antecedent of Training Transfer and Motivation to Learn in Training Programs" dalam *Economica Journal*, 6(2), ms.1-38.
- Ismail, H. (2009). "Holistic Education in Malaysia" dalam *European Journal of Social Sciences*, (2), ms.231-236.
- Ismail, K. & K. Anwar. (2011). "Psikologi Islam: Suatu Pendekatan Psikometri Remaja Berisiko" dalam *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(1), ms.77-89.
- Jackson, S.L. (2008). *Research Method: A Modular Approach*. Belmont: Thomas Wadsworth.
- Jeganathan, S. (2007). "Kesan Program Latihan Menggunakan Model Taktikal Dengan Stail Pengajaran Berbeza Terhadap Murid Pelbagai Tahap Kemahiran Permainan Hoki". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Jeremy Paul, M. (2008). "Proleptic Vocational Recapitulations as Experience of God's Presence and Activity among Youth of the Evangelical Lutheran Church in America". *Unpublished Ph.D. Thesis*. United States of America: Minnesota.
- JKM [Jabatan Kebajikan Masyarakat] Malaysia. (2010). *Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- JKM [Jabatan Kebajikan Masyarakat] Malaysia. (2012). Tersedia [online] dalam [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article) [dilayari di Batu pahat, Johor, Malaysia: 11hb Oktober 2013].
- Johan, O. Md & N. Mohamad Roslan. (2011). "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Skudai, Johor: UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- JPM [Jabatan Pembangunan Masyarakat] Brunei Darussalam. (2012). "Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan, Bandar Sri Begawan, Brunei Darulssalam". Tersedia [online] juga dalam <http://www.japem.gov.bn/perkhidmatan/> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 21hb Februari 2014].
- Kobia, M.K. (2004). "Factors that Influence Transfer of Management Training in Small and Medium Enterprises in Kenya". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Urbana-Champaign: University of Illinois.
- Komunikasi peribadi dengan Mat, pengurus Raudhatus Sakinah di Johor, Malaysia, pada tarikh 8hb April 2012.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Son Inc.
- Mertler, C.A. (2012). *Action Research: Improving Schools and Empowering Educators*. California: Sage Publication Ltd., 3rd edition.
- Methal, M. (2011). "Al-Riha and Curriculum Theory: A Qualitative Comparative Study of Contemporary and Historical Muslim Travels in Search of Knowledge". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Texas, USA: Texas A&M University.
- Michael, C.M.K. (2011). "A Qualitative Exploration of the Influence of Religious and Cultural Values on the Vocational Identity of Second Generation Vietnamese American Young Adults Training for the Helping Professions". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Azusa: Azusa Pacific University.
- Miller, J.P. (2008). *Education and the Soul: Toward a Spiritual Curriculum*. Albany: SUNY [State University of New York] Press.
- Munad, U. (2012). "Raudhatus Sakinah". Tersedia [online] juga dalam <http://rsjohor.blogspot.com/>. [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 2hb Mac 2014].
- Musa, M.M. (2013). "Kebencian dalam Kalangan Remaja Mengandung Luar Nikah: Satu Kajian Art Therapy". *Kertas kerja dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013: Kepelbagaian Pendidikan untuk Kepelbagaian Manusia*. Batu Pahat: Perkama Consultants UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Othman, M.Z. et al. (2010). "Rekabentuk Universel Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Skudai, Johor: UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Perak Pakatan Rakyat Perakini. (2010). "Statistik Pembuangan Bayi". Tersedia [online] juga dalam <http://www.perakini.net/index.php?option=comcontent&view=article&id=397:statistik-pembuangan-bayi&catid=68:statistik&Itemid=102> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 10hb September 2013].
- Praharsi, Y. (2009). "Penggunaan Model e-Media Berbaris Komputer dalam Pembangunan Sistem e-Learning". *Kertas kerja dibentang dalam Seminar Nasional Aplikasi Teknologi Informasi 2009*. Yogyakarta, Indonesia: UKSW [Universitas Kristen Satya Wacana].

- Purba, D.S. (2011). "Efektivitas Model Pembelajaran Latihan Penelitian terhadap Kemampuan Menganalisis Nilai-nilai Moral Cerpen (Cerita Pendek), *Sampan Zulaiha*, Karya Hassan al-Banna, Siswa Kelas X SMA Negeri 1 Tanjung Balai". *Disertasi Doktor Tidak Diterbitkan*. Medan, Sumatera Utara, Indonesia: UNIMED [Universitas Negeri Medan].
- Sanmuga Nathan, J.K. (2007). "Kesan Program Latihan Menggunakan Model Taktika dengan Stail Pengajaran Berbeza terhadap Murid Pelbagai Tahap Kemahiran Permainan Hoki". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Sari, I.C. (2009). "Integrasi Pendidikan Agama Islam dan Mata Pelajaran Umum pada Siswa Kelas X Madrasah Aliyah Negeri Yogyakarta 1". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Yogyakarta, Indonesia: UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga.
- Senin, A. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharma, M. (2009). "How Important are Soft Skills from the Recruiter's Perspective" dalam ICFAI Journal of Soft Skills, 3(2), ms.19-28.
- Siraj, H.H. & N. Omar. (2010). *Kesihatan Reproduktif Remaja: Panduan Ibu Bapa, Guru*. Kuala Lumpur: Pts Millenia Sdn. Bhd.
- Striano, M. (2009). "Managing Educational Transformation in the Globalized World: A Deweyen Perspective" dalam Educational Theory, 59(4), ms.379-393.
- Tan, W. (2007). *Practical Research Methods*. Jurong: Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- Taylor, M. (1974). "Bethany Home". Tersedia [online] juga dalam [http://www.magdalenelaundries.com/bethany\\_history](http://www.magdalenelaundries.com/bethany_history) [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 8hb Mac 2014].
- Titus, H.H. & S. Smith. (1974). *Living Issues in Philosophy*. New York: D.N. Nostrand Company.
- Trojanowicz, R.C. & M. Morash. (1992). *Juvenile Delinquency Concepts and Control*. London: Prentice Hall International.
- Wagman, J. et al. (2009). "Experiences of Sexual Coercion among Adolescent Women: Qualitative Findings from Rakai District, Uganda" dalam *Journal of Interpersonal Violence*, 24(12), ms.20-73.
- Wilson, K.Y. (2007). "The Effectiveness of Memory Training Program in Improving the Subjective Memory Characteristics of Healthy Older Adults with Memory Complaints: A Meta-Analysis". *Unpublished Psy.D. Thesis*. Marshall, USA: Marshall University.
- Wongso, W. (2012). "Persiapan Sebelum Memasak dan Apa Perbedaan Cara Memasak di Tellos TV". Tersedia [online] juga dalam <http://youtube.com/watch?NR=1&v=jdozH&D4oc.v> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 21hb Disember 2013].
- Yahaya, A. et al. (2001). "Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauh Manakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan?". *Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi*. Kuala Lumpur: UM [Universiti Malaya], 23-25 Mei.
- Yang, L. (2011). "Out-of-Home Care Experience and Juvenile Delinquency during Transition from Adolescent to Adult" dalam *Journal Sociology and Criminology*, AAT, 1498794, ms.87-96.
- Yusoffea, A. (2009). *Sukses dalam Karier untuk Muslimah: Panduan Harian Wanita Bekerja*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Zainal, K. & W.Z. Wan Hassan. (2009). "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes" dalam *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), ms.1-14.



**Contoh Aktiviti di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia**  
(Sumber: [www.google.com](http://www.google.com), 9/5/2014)

Secara keseluruhannya didapati bahawa pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam berlaku di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia. Para pelatih sangat bersetuju dengan latihan integrasi antara vokasional masakan dan pendidikan Islam yang secara tidak langsung memberikan kesan yang amat positif dalam diri para pelatih yang menjalani latihan di PPAR.